

20/05/1999

Kuasai teknologi telekomunikasi: PM

Jamhariah Jaafar

SHAH ALAM, Rabu - Prospek pertumbuhan dan kemajuan ekonomi Malaysia sebenarnya bergantung kepada kemampuan negara menguasai teknologi telekomunikasi terkini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penguasaan teknologi itu menjadi semakin penting pada alaf akan datang, terutama dalam usaha Malaysia untuk memperbaiki kapasitinya dalam pelbagai bidang perniagaan, industri dan kehidupan keseluruhan.

"Industri telekomunikasi akan memainkan peranan aktif dalam membawa dan mengubah ekonomi Malaysia kepada ekonomi berasaskan maklumat pada abad ke-21.

"Ia juga akan terus menjadi pengaruh utama dan dinamik bagi perubahan dalam negara.

"Pengaruh baru dan teknologi lebih canggih, di samping realiti infrastruktur global, membuatkan kita perlu menjadi peserta aktif di pasaran dunia," katanya ketika merasmikan Simposium/Pameran Telekomunikasi dan Wayarles Antarabangsa 1999 anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik Institut Teknologi Mara (ITM) dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah ITM, Tan Sri Wira Abdul Rahman Arshad, Rektor ITM, Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Dr Ahmad Hairi Abu Bakar.

Dengan Malaysia mempunyai prospek dan peluang untuk muncul antara pembekal utama perkhidmatan telekomunikasi dan multimedia dunia, Perdana Menteri berkata kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif polisi untuk menyediakan negara ini sebagai antara pembekal kelas dunia.

Dalam mencapai hasrat itu, katanya, kerajaan sejak awal dekad ini memperkenalkan pelbagai pengubahsuaian dasar untuk membentuk industri telekomunikasi yang lebih mantap.

Antaranya, kata beliau, ialah pengenalan sistem persaingan dalam liberalisasi telekomunikasi pada 1990, yang membawa kepada persaingan bebas melalui Polisi Akses Samarata yang berkuatkuasa awal tahun ini, di samping Akta Komunikasi dan Multimedia yang baru diluluskan Parlimen tahun lalu.

"Cabaran yang dihadapi syarikat tempatan sekarang ialah memastikan mereka boleh menghadapi dan menyaingi pesaing dunia.

"Manakala cabaran bagi penyedia polisi pula ialah memastikan persaingan adalah bebas tanpa mencetus situasi di mana pembangunan infrastruktur keseluruhan negara terpaksa dikompromi," katanya.

Dr Mahathir berkata, teknologi wayarles dan Internet mewakili penumpuan dua pasaran yang pesat tumbuh dan pembangunan teknologi telekomunikasi.

Katanya, kesan penumpuan itu akan menyaksikan pertumbuhan rancak dalam produk telekomunikasi, komputer, penyiaran dan penyebaran maklumat yang diadun untuk menyediakan perkhidmatan audio visual dan multimedia dalam pelbagai bentuk.

"Masanya tidak lama lagi sebelum Internet, peralatan elektronik dan mesej suara boleh dilakukan melalui telefon mudah alih," katanya.

Berikutan itu Perdana Menteri berkata, syarikat telekomunikasi perlu berfikiran strategik pada masa depan terutama dengan mengadakan integrasi perkhidmatan kerana pelanggan semakin berkehendakkan perkhidmatan yang lebih luas daripada hanya pembekal tunggal.

"Daripada mempunyai satu piring parabola, aerial tv, talian tetap

telefon, telefon mudah alih dan satu lagi untuk Internet, semuanya daripada penyedia perkhidmatan yang berbeza, satu persoalan yang perlu dijawab ialah kenapa tidak semua perkhidmatan ini disediakan oleh satu pembekal tunggal?" soalnya.

(END)